

SIARAN MEDIA

20 JULAI 2025

ALAM FLORA BAWA KEMPEN 'BAWA BEG GUNA SEMULA' KE TEMERLOH

Temerloh, 20 Julai 2025 –Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), anak syarikat Malakoff Corporation Berhad ("Malakoff"), peneraju dalam penyelesaian alam sekitar, terus memperkukuh komitmennya terhadap kelestarian bersempena 50 tahun kecemerlangan Malakoff, melalui pelancaran **Kempen Bawa Beg Guna Semula di Pekan Sehari, Temerloh**.

Kempen ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna dan menggalakkan amalan membawa beg guna semula dalam kalangan masyarakat. Ia merupakan kesinambungan kepada inisiatif yang telah dijalankan semasa **Festival Ramadan di Putrajaya** awal tahun ini, yang menerima sambutan positif daripada orang ramai.

Menurut **Ketua Pegawai Operasi Alam Flora, Mohamad Muhazni Mukhtar**, penggunaan beg plastik sekali guna memberi impak besar terhadap alam sekitar termasuk pencemaran dan kemusnahan ekosistem.

"Kami ingin menyarankan kepada orang ramai untuk membudayakan amalan membawa beg guna semula sebagai langkah mudah ke arah persekitaran yang lebih bersih dan sihat. Ia juga memudahkan masyarakat untuk membuat perubahan positif dalam amalan harian mereka," katanya.

Pekan Sehari Temerloh dipilih sebagai lokasi kempen kerana statusnya sebagai pasar pagi Ahad terbesar dan terpanjang di Malaysia, diiktiraf oleh Malaysia Book of Records dengan jarak sepanjang 2.1 kilometer di tebing Sungai Pahang. Pasar ini menarik ribuan pengunjung dari seluruh negara setiap minggu, menjadikannya platform strategik untuk menyampaikan mesej kelestarian secara langsung dan berskala besar.

"Pekan Sehari Temerloh menarik pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara. Ia adalah lokasi yang ideal untuk menyampaikan mesej kelestarian secara berkesan dan inklusif," tambah Muhazni.

Sepanjang kempen ini, sebanyak 300 beg guna semula telah diedarkan kepada pengunjung sebagai galakan untuk mula mengamalkan pembelian tanpa beg plastik. Aktiviti interaktif seperti kuiz kesedaran, edaran bahan pendidikan dan interaksi bersama wakil Alam

Flora turut dijalankan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat tentang impak sisa plastik terhadap alam sekitar.

Majlis pelancaran kempen turut diserikan dengan kehadiran **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Temerloh, Tuan Rizal Mustafa**, serta **Pengarah SWCorp Negeri Pahang, Tuan Zaidi bin Tuah** yang turut sama mengagihkan beg guna semula kepada pengunjung.

Usaha ini diharapkan dapat mencetuskan anjakan tabiat membeli-belah yang lebih lestari, sekaligus menyokong matlamat jangka panjang negara dalam pengurusan sisa dan pemeliharaan alam sekitar.

Inisiatif ini adalah merupakan sebahagian daripada tonggak perniagaan Malakoff, aspirasi Penyelesaian Alam Sekitar Malakoff untuk memberi tumpuan kepada pengurusan alam sekitar dan penyelesaian yang didedikasikan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan planet ini. Ia juga selaras dengan Matlamat SDG PBB No. 11 di mana ia bertujuan untuk menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan serta menyokong tujuan menyeluruh Malakoff iaitu *'Enhancing Life, Enriching Communities'*.

Sorotan Khas: Ulang tahun ke-50 Malakoff

Kempen Bawa Beg Guna Semula, merupakan sebahagian daripada sambutan ulang tahun ke-50 Malakoff, yang menandakan lima dekad kecemerlangan dalam penyelesaian tenaga dan alam sekitar. Sebagai peneraju industri, Malakoff terus komited untuk memperkasakan komuniti dan melestarikan alam sekitar melalui pelbagai inisiatif yang inovatif dan berimpak tinggi.

MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan sebuah syarikat konsesi terbesar dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbesar di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Komunikasi Korporat dan Penjenamaan

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my

PRESS RELEASE

20 JULY 2025

ALAM FLORA ‘BRING YOUR OWN BAG’ DRIVE TO TEMERLOH

Temerloh, 20 July 2025 –Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad (“Malakoff”), a leader in environmental solutions, continues to strengthen its commitment to sustainability in conjunction with Malakoff’s 50 years of excellence through the launch of the **Bring Your Own Bag Campaign at Pekan Sehari, Temerloh**.

The campaign aims to reduce the use of single-use plastic bags and promote the habit of bringing reusable bags among the public. It follows the success of a similar initiative held during the **Ramadan Festival in Putrajaya** earlier this year, which received an encouraging response from the community.

According to **Mohamad Muhazni, Chief Operating Officer of Alam Flora**, single-use plastic bags have a significant impact on the environment, contributing to pollution and ecosystem degradation.

“We invite the public to embrace the practice of bringing reusable bags as a simple yet impactful step towards a cleaner and healthier environment. It’s a practical way for individuals to make positive changes in their daily habits,” he said.

Pekan Sehari Temerloh was selected as the campaign venue due to its status as the largest and longest Sunday morning market in Malaysia, officially recognized by the Malaysia Book of Records. Stretching 2.1 kilometers along the banks of the Pahang River, the market attracts thousands of visitors weekly from across the country, making it a strategic platform to deliver sustainability messages to a wide and diverse audience.

“Pekan Sehari Temerloh draws people from all walks of life nationwide. It’s an ideal location to communicate sustainability messages effectively and inclusively,” Muhazni added.

During the campaign, 300 reusable bags were distributed to visitors to encourage plastic-free shopping. Interactive activities such as awareness quizzes, educational material distribution and engagement with Alam Flora representatives were also conducted to enhance public understanding of the environmental impact of plastic waste.

The campaign launch was graced by **Tuan Rizal Mustafa**, Yang Dipertua, Temerloh Municipal Council, and **Director SWCorp Pahang, Tuan Zaidi bin Tuah**, who also participated in distributing reusable bags to the public.

Alam Flora hopes that this small initiative will drive a shift toward more sustainable and environmentally friendly shopping habits by reducing the use of plastic bags altogether.

This initiative is part of Malakoff's business pillar, Malakoff Environmental Solutions' aspiration to focus on environmental management and solutions that are dedicated to serving communities and the planet. It is also in line with the UN SDG Goal No. 11 where it aims at making cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable, aligned with Malakoff's overarching purpose of *'Enhancing Life, Enriching Communities'*.

Special Highlight: Malakoff's 50th Anniversary

The *Bring Your Own Bag* campaign is also part of Malakoff's 50th anniversary celebration, marking five decades of excellence in energy and environmental solutions. As an industry leader, Malakoff remains committed to empowering communities and preserving the environment through various innovative and high-impact initiatives.

ABOUT ALAM FLORA SDN BHD:

Incorporated in 1995, Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) is largest environmental management companies in Malaysia that is dedicated to serving communities to manage and reduce waste with minimal environmental impact. Alam Flora is a subsidiary of Malakoff Corporation Berhad. Being one of the largest concession holders of Malaysia's national solid waste management and public cleansing privatisation project, Alam Flora provides comprehensive waste management services to several concession areas in certain regions of Peninsular Malaysia, the Federal Territory of Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang, Terengganu and Kelantan.

For more information, please contact:

Farizan Hj. Yop |Assistant Manager, Corporate Communications & Branding

|HP: 019.601.1678 | farizan.yop@malakoff.com.my